

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 3/2009

BAYARAN PERMOHONAN SEMAKAN PELAN

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan supaya mengenakan bayaran yang sepatutnya ke atas semua urusan berhubung semua jenis permohonan tanah samada untuk tujuan projek projek pelaburan, perlombongan dan lain-lain.

2. Bagi melaksanakan arahan ini pihak pemohon perlu menjelaskan bayaran semakan, tunjuk tanah atau surihan mengikut item yang terlibat di bawah Kaedah 21, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 seperti berikut :-

- i) Surehan (Item 62)
 - a) Bagi lot pertama keluasan tidak lebih dari 1 hektar - RM 10.00
 - b) Bagi tambahan 5 hektar setiap lot - RM 5.00
- ii) Bayaran semakan dan tunjuk tanah (Item 65) - RM 10.00
bagi setiap jam tertakluk kepada bayaran minimum RM60.00 setiap permohonan

iii) Bagi semakan dan tunjuk tanah - RM 20.00
(Item 72)

3. Sekiranya ketiga-tiga item terlibat, bayaran hendaklah dipungut bagi ketiga-tiga item tersebut.

4. Arahan ini dengan berkuatkuasa serta-merta dan Arahan Pengarah Tanah dan Galian Kelantan 2/2009 yang dikeluarkan pada 3 Mac dibatalkan.

.....t.t.....

(DATO' HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI AWANG)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN

NEGERI KELANTAN.

KEPADA:

Yang Anat Berusaha
Semua Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Dato' Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan.
4. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
5. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
6. YBrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

Fail No. : PTG.KN.3269 1 Jld.3 (14)
Bertarikh : 16 MAC 2009